

BAB 6

RUMUSAN DAN CADANGAN

6.1. Pengenalan.

Secara keseluruhan, kajian ini telah mencapai semua objektif yang ditetapkan iaitu (1) untuk mengenalpasti profil responden asnaf fakir miskin Negeri Sembilan, untuk mengukur kesan agihan zakat ke atas (2) kadar kemiskinan, (3) jurang kemiskinan, (4) purata jurang kemiskinan, (5) nisbah jurang pendapatan (6) ketidakseimbangan agihan pendapatan dan (7) mengenalpasti kesan agihan zakat dari perspektif *maqāṣid syarīah*.

6.2. Profil Responden.

Penemuan daripada hasil kajian ini mendapati terdapat tujuh golongan yang perlu diberi perhatian utama dalam usaha untuk membasmi kemiskinan asnaf fakir miskin iaitu: (1) wanita yang menjadi KIR, (2) warga emas berumur 65 tahun ke atas, (3) ibu tunggal, (4) asnaf yang tinggal di luar bandar, (5), mereka yang mendapat taraf pendidikan rendah atau tidak bersekolah, (6), mereka yang tidak sihat atau bertaraf OKU, dan (7) mereka yang bekerja tetapi masih berpendapatan di bawah PGK. Antara ciri-ciri persamaan yang dihadapi oleh tujuh golongan di atas iaitu kesukaran untuk mendapat pekerjaan yang menghasilkan pendapatan tinggi, tiada kemahiran, tiada kerja sampingan, hanya mengharapkan satu pekerjaan dengan gaji yang rendah dan tiada wang tabungan. Terdapat responden yang bekerja seharian namun upah atau hasil yang diperolehi masih belum mencukupi apatah lagi untuk melepasi garis kemiskinan melalui

ukuran PGK. Bahkan kajian juga mendapati bantuan zakat yang diterima oleh asnaf fakir miskin dilihat sekadar membantu buat sementara waktu sahaja sedangkan keperluan dan kos sara hidup mereka semakin meningkat.

6.3. Kesan Agihan Zakat Dari Aspek Indeks Kemiskinan.

6.3.1. Kesan Agihan Zakat Terhadap Kadar Kemiskinan.

Hasil kajian mendapati bantuan zakat memberi sumbangan untuk mengurangkan kadar kemiskinan daripada 78.69% kepada 72.61% iaitu perbezaan sebanyak 7.72%. Dalam konteks agihan zakat dan pembasmian kemiskinan di Negeri Sembilan ia mencerminkan suatu pencapaian yang positif dalam agenda pembangunan sosioekonomi umat Islam di negeri ini khususnya dalam konteks agihan zakat dan pembasmian kemiskinan di Negeri Sembilan

Selain itu bilangan isi rumah miskin tegar juga menurun daripada 54.8% kepada 41.3% sekali gus mencerminkan bantuan zakat berkesan untuk membantu asnaf fakir. Oleh kerana kadar kemiskinan responden masih melebihi 50% maka skim agihan zakat perlu dinilai semula dengan mensasarkan sekurang-kurangnya kadar isi rumah miskin hanya tinggal 50% sahaja dalam tempoh setahun selepas menerima bantuan zakat. Siasatan terperinci dengan membuat lawatan berjumpa dengan responden di rumah mereka akan dapat memberi situasi sebenar berbanding dengan hanya bergantung kepada borang permohonan semata-mata.

6.3.2. Kesan Agihan Zakat Terhadap Jurang Kemiskinan, Purata Jurang Kemiskinan dan Nisbah Jurang Pendapatan

Hasil kajian membuktikan kesan agihan zakat dapat mengurangkan jurang kemiskinan sebelum agihan zakat daripada RM70, 633.70 kepada RM52,481.00. Manakala dari segi purata jurang kemiskinan sebelum agihan zakat ialah RM390.24. Namun begitu nilai indeks ini semakin berkurangan selepas agihan zakat kepada RM314.25. Indeks ini selari dengan penurunan kadar kemiskinan. Hasil kajian turut menunjukkan kesan yang positif terhadap nisbah jurang pendapatan di kalangan penerima agihan zakat daripada 54.20% kepada 43.65%. Dijangkakan jurang kemiskinan, purata jurang kemiskinan dan nisbah jurang pendapatan semakin berkurangan sekiranya kumpulan sasar diberi bantuan sekurang-kurangnya untuk tempoh selama 5 tahun.

6.3.3. Kesan Agihan Zakat Terhadap Ketidakseimbangan Agihan Pendapatan.

Indeks agihan pendapatan dengan menggunakan pekali Gini dan Keluk Lorenz menunjukkan bahawa agihan zakat dapat memperbaiki ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan asnaf fakir miskin. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian oleh Patmawati Ibrahim¹ dan Fuadah Johari² yang merumuskan pendapatan responden bagi golongan fakir miskin lebih seimbang selepas agihan zakat diberikan kepada mereka.

¹ Patmawati Ibrahim (2005, 2008), *op.cit.*,

² Fuadah Johari (2003) *op.cit.*,

Mengenai corak kumpulan pendapatan pula, hasil kajian ini mendapati selepas agihan zakat bagi kumpulan berpendapatan melepasi PGK iaitu RM721-RM1010 dan RM1011 ke atas meskipun mengalami kenaikan tetapi ianya suatu kenaikan yang agak minimum iaitu di sekitar antara 2-3% sahaja.

Hasil kajian membuktikan nilai pekali Gini ialah 0.42 iaitu tingkat agihan pendapatan sederhana. Namun begitu selepas agihan zakat nilainya semakin seimbang kepada 0.34. Ini mencerminkan bahawa agihan zakat berkesan dalam mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan responden.

Kelok Lorenz digunakan untuk mengukur sejauh manakah jurang agihan pendapatan berlaku di kalangan isi rumah miskin. Kajian ini mendapati selepas responden menerima agihan zakat, Kelok Lorenz semakin mengecil dan menghampiri garisan seimbang berbanding kelok Lorenz sebelum agihan zakat. Dalam perpektif agihan zakat ia mencerminkan kesan yang positif kerana berjaya mengagihkan pendapatan terkumpul kepada keseluruhan isi rumah dan mengurangkan jurang agihan pendapatan.

Kajian ini mendapati kumpulan pendapatan RM0-RM429 atau dikenali sebagai fakir miskin tegar meskipun mendapat manfaat namun ianya masih terlalu kecil berbanding dengan kumpulan pendapatan yang lain. Hakikat bahawa zakat memberi kesan atas agihan pendapatan yang lebih seimbang sememangnya telah terbukti, namun kelompangan yang wujud kerana tidak melihat jurang agihan pendapatan akan menjadikan agihan zakat kurang memberi impak yang maksimum. Justeru, kajian ini

telah mengukur corak agihan pendapatan dengan melihat sejauhmana kesan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan.

6.4. Kesan Agihan Zakat Dari Perspektif *Maqāṣid Syarīah*.

Hakikat dan realiti yang tidak wajar diketepikan dalam kajian ini ialah masih terdapat asnaf fakir dan miskin yang hidup dalam belunggu kemiskinan, terus bergantung kepada agihan zakat malahan agihan zakat didapati tidak berupaya untuk melepaskan pendapatan mereka dari PGK. Dalam konteks ini, bagi memenuhi keperluan *daruriyyat* keberkesanan agihan zakat bergantung kepada keyakinan iman dan jiwa setiap individu muslim untuk menunaikan zakat supaya kutipan dana zakat dapat memberi impak dengan jumlah yang besar menerusi skim-skim dan program membasmi kemiskinan sama ada dari aspek monetari atau non monetari.

Konsep dan pemahaman kemiskinan sangat penting untuk memastikan setiap usaha-usaha membasmi kemiskinan dihubungkan antara satu dengan lain. Sebagaimana yang telah dijelaskan pada Bab 2 bahawa kemiskinan merupakan satu fenomena kompleks, luas dan pelbagai dimensi maka mekanisma pembasmiannya turut menjadi kompleks dan rumit. Tetapi ia tidak bermakna kita harus membiarkan kemiskinan ini terus berleluasa tanpa memahami hakikat dan mencari jalan penyelesaian yang bertepatan dengan syariat Islam dan secara berterusan.

Menurut perspektif Syariah manusia bukan setakat memerlukan pendapatan semata-mata dalam kehidupan mereka tetapi keperluan-keperluan selain pendapatan turut sama pentingnya sepertimana berpandukan *maqāṣid syarī'ah* iaitu menjaga agama,

akal, nyawa, keturunan dan termasuklah harta. Pendekatan maqāṣid syarī‘ah seharusnya menjadi model pengagihan zakat terutama dalam membasmi kemiskinan. Dalam konteks kajian ini kesan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan melalui pengukuran indeks kemiskinan yang telah dihuraikan pada Bab 5 yang lalu perlu difahami bersama dengan hasil-hasil kajian penulisan lain secara seiring agar maqasid syariah dapat disempurnakan dengan lebih berkesan. Dalam erti kata lain untuk membasmi kemiskinan secara total memerlukan keseimbangan tiga unsur-unsur yang berupa pendapatan atau kebendaan, unsur bukan kebendaan dan unsur kerohanian. Kejayaan agihan zakat juga haruslah disokong oleh tiga pihak yang bertanggungjawab secara bersepadu iaitu peranan pemerintah, peranan institusi zakat dan peranan individu muslim. Jika semua unsur dilaksanakan secara bersama dan disokong dengan peranan setiap pihak secara komprehensif maka pembasmian kemiskinan dapat dicapai dengan berjaya sebagaimana suatu keadaan yang terdapat pada zaman pemerintahan ‘Umar Abdul Aziz.

Permasalahan kemiskinan yang masih terus wujud di kalangan asnaf fakir dan miskin tidak boleh diabaikan begitu sahaja. Bertitik tolak daripada sifat keimanan mengeluarkan zakat akan menghasilkan nilai keadilan dalam sistem sosial yang seimbang dan harmoni. Disebabkan institusi zakat menjadi salah satu institusi penting dalam membasmi kemiskinan maka usaha-usaha ke arah penambahbaikan perlu dilaksanakan agar agihan zakat lebih berkesan untuk membasmi kemiskinan.

6.5. Cadangan.

Objektif MAINS untuk menerajui pembangunan ummah di Negeri Sembilan khususnya dalam membasmi kemiskinan di kalangan umat Islam secara amnya telah tercapai. Meskipun langkah-langkah membasmi kemiskinan tidak terhenti setakat itu, MAINS akan menggerakkan segala perancangan selaras dengan agenda kerajaan Negeri Sembilan ke arah negeri maju pada tahun 2020 nanti. Salah satu pencapaian utama dalam memastikan ke arah negeri maju ialah untuk mencapai sifar kemiskinan tegar.³ Justeru melalui agihan zakat matlamat untuk membasmi kemiskinan dapat dilakukan dengan lebih baik melalui cadangan-cadangan berikut:

6.5.1. Mengenalpasti Golongan Miskin Yang Utama (Kumpulan Sasar).

Sepertimana yang telah dijelaskan pada profil responden, terdapat 7 golongan utama yang memerlukan bantuan zakat.⁴ Apabila mengaitkan dengan masalah kemiskinan, kumpulan miskin yang berbeza mempunyai keperluan berbeza antara satu sama lain. Umpamanya kajian ini mendapati golongan wanita yang menjadi KIR dan ibu tunggal memerlukan pekerjaan yang mampu meningkatkan pendapatan mereka bagi menyara ahli tanggungan mereka. Manakala golongan yang tidak sihat pula didapati lebih memerlukan perbelanjaan rawatan kesihatan yang lengkap. Manakala asnaf yang tidak bersekolah didapati kekurangan aspek kemahiran yang boleh menjana pendapatan. Disebabkan kepelbagaian asnaf fakir miskin yang berbeza maka usaha membasmi kemiskinan juga perlu dilihat dari sudut punca yang menjadikan mereka miskin.

³ Lihat rajah 5.6. Sasaran Miskin Tegar Menjelang Tahun 2020 Negeri Sembilan Maju di Lampiran A.
⁴ (1) wanita yang menjadi KIR, (2) warga emas berumur 65 tahun ke atas, (3) ibu tunggal, (4) asnaf yang tinggal di luar bandar, (5), mereka yang mendapat taraf pendidikan rendah atau tidak bersekolah, (6), mereka yang tidak sihat atau bertaraf OKU, (7) mereka yang bekerja tetapi masih berpendapatan di bawah PGK.

Justeru pihak MAINS perlu memberi penekanan, pemantauan dan perhatian khususnya golongan tersebut kerana meskipun kadar kemiskinan menunjukkan penurunan, namun begitu indeks jurang kemiskinan, purata jurang kemiskinan dan nisbah jurang pendapatan hanya menunjukkan perubahan yang kecil. Sekiranya golongan utama tidak dikenalpasti dengan tepat maka dibimbangi mereka berisiko untuk berada kembali di bawah kemiskinan Oleh yang demikian, sasaran asnaf yang utama harus diberi perhatian serius dalam memastikan pendapatan mereka bukan sekadar berjaya melepasi PGK malah mampu bertahan agar tidak lagi perlu menerima agihan zakat.

6.5.2. Menyediakan Penempatan Khas Untuk Warga Tua Miskin.

Implikasi jangka hayat rakyat Malaysia yang semakin tinggi akan menambah bilangan bagi kumpulan warga tua pada setiap tahun. Kajian ini mendapati bahawa majoriti penerima zakat MAINS terdiri daripada kalangan mereka yang berumur 56 tahun ke atas iaitu 62.6%. Sedangkan bantuan bulanan sekitar RM100-RM200 sebulan adalah tidak memadai bagi mengeluarkan mereka daripada takrif miskin. Bahkan terdapat juga di kalangan mereka yang masih menerima agihan zakat sehingga akhir hayat kerana sudah tidak berkemampuan untuk bekerja apatahlagi untuk mempunyai pendapatan. Terdapat juga warga tua yang masih terpaksa menanggung bayaran sewa rumah, kos pengangkutan ke hospital dan pembelian makanan harian. Dalam hal ini sebagai contohnya, MAINS perlu memperuntukkan sebanyak RM9000.00 sebulan kepada 90 orang warga emas berumur 65 tahun ke atas. Sedangkan hakikatnya peruntukan tersebut masih tidak mampu mengeluarkan warga emas yang tiada pendapatan untuk keluar daripada takrif kemiskinan.

Justeru dicadangkan penempatan khas menjaga kebajikan warga tua miskin perlu diwujudkan. Bagi menempatkan golongan warga tua miskin, tumpuan diberikan terhadap individu yang tidak mempunyai rumah sendiri dan tiada waris untuk menjaga kebajikan mereka. Dengan adanya penempatan rumah untuk warga tua miskin ini lebih efektif untuk membasmi kemiskinan berbanding dengan pemberian bantuan bulanan yang tidak membantu apatahlagi menanggung segala kos sara hidup yang lain. Kaedah ini bukan sahaja memudahkan pengagihan zakat tetapi kebajikan warga tua miskin akan lebih terbela melalui penempatan penjagaan yang bersepadu.

6.5.3. Mempertingkatkan Pendidikan Dan Kemahiran Golongan OKU.

Hakikat yang tidak dinafikan ialah golongan OKU juga wajar mendapat peluang pekerjaan seterusnya mengeluarkan mereka daripada asnaf fakir miskin. Untuk tujuan itu, skim agihan zakat boleh mewujudkan program anti-kemiskinan terhadap sasaran golongan OKU yang berpotensi. Umpamanya mewujudkan program penempatan pekerjaan dalam industri tempatan dan IKS bagi OKU diselaraskan melalui agensi-agensi pekerjaan, institusi MARA dan Kementerian Sumber Manusia. Kajian ini mencadangkan keperluan meningkatkan taraf pendidikan formal, meningkatkan mobiliti fizikal, keupayaan dan peluang pekerjaan terhadap golongan ini bagi mengurangkan kadar kemiskinan. Ini bermakna pangkalan data berkenaan dengan golongan cacat atau OKU perlu dikemaskini dan diberi perhatian sewajarnya agar mereka tidak tercicir daripada senarai penerima bantuan zakat, mengenalpasti keupayaan dan memantau prospek kerjaya mereka. Justeru, asnaf fakir miskin perlu dipertingkatkan pengetahuan mereka dan berupaya menjana pendapatan yang berasaskan pengetahuan bagi mendepani cabaran tersebut seterusnya mampu melepasi tahap kemiskinan.

6.5.4. Jaringan Maklumat Dan Aktiviti Ekonomi Ibu Tunggal.

Satu hakikat yang harus diterima ialah mengenai kepayahan dihadapi oleh ibu tunggal dalam memenuhi keperluan asas dan memberi perhatian keluarga di bawah tanggungan mereka. Sekiranya kadar kemiskinan di kalangan mereka tidak dibasmi dengan efisien, anak-anak di bawah tanggungan pula yang akan mewarisi kemiskinan daripada ibu mereka. Dalam hal sedemikian dicadangkan agar MAINS mempergiatkan program anti-kemiskinan dengan kerjasama jaringan maklumat daripada persatuan ibu tunggal menyalurkan bantuan ke arah meningkatkan pendapatan ibu tunggal yang terlibat dalam kemiskinan. Program-program berorientasikan pendapatan dan kemahiran seperti mengubah bunga, bengkel membuat roti dan pastri, kursus jahitan, dan lain-lain kemahiran berasaskan gender ini merupakan aktiviti yang bersesuaian dengan mereka. Seterusnya usaha untuk melanjutkan produk-produk yang dihasilkan melalui jaringan pemasaran bagi menjual barangan dan memberi perkhidmatan dari kalangan ibu tunggal ini diharapkan akan meningkatkan pendapatan bersesuaian dengan peranan mereka.

6.5.5. Meningkatkan Sistem Penyampaian Bantuan.

Hasil temu bual mendapati kebanyakan responden tidak berpuashati berkenaan kaedah bayaran bantuan kewangan kerana MAINS membayar 2-3 bulan sekali yang dikreditkan ke dalam akaun mereka. Disebabkan skim bantuan wang tunai menjadi sebahagian daripada pendapatan asnaf, agihan tersebut hanya menyukarkan aspek perberlanjaan harian mereka. Skim bantuan wang tunai perlu diubah kepada tarikh tertentu yang ditetapkan misalnya bayaran akan dikreditkan pada setiap 1 haribulan. Sistem bayaran ini akan memudahkan golongan miskin membuat perbelanjaan bulanan kerana

sebahagian besarnya mengharapkan bantuan zakat sebagai pendapatan utama mereka. Selain itu terdapat aduan daripada responden khasnya mereka yang terdiri daripada warga tua tidak mengetahui tentang skim bantuan makanan sehinggalah adanya penduduk sekitar yang prihatin memaklumkan kepada mereka untuk mengambil di masjid. Justeru, bagi mengatasi masalah tersebut disarankan agar bantuan dalam bentuk makanan wajar disampaikan terus ke rumah asnaf agar ianya dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin.

6.5.6. Lawatan Dan Siasatan Ke Rumah Asnaf.

Meskipun terdapat pegawai dan kakitangan Baitul Mal turun padang untuk meninjau dengan lebih dekat realiti kemiskinan yang dihadapi oleh asnaf tetapi berdasarkan hasil temu bual, majoriti responden menyatakan pihak Baitul Mal tidak membuat lawatan dan ini menjadikan skim bantuan zakat kurang menepati keperluan dan permasalahan baru golongan sasaran. Umpamanya, warga tua sukar untuk mengeluarkan bantuan wang tunai tanpa pengangkutan, maklumat penerimaan bantuan makanan yang kurang tepat, ketidacukupan nilai bantuan wang tunai kerana tanggungan semakin ramai dan penyakit akibat kemalangan dan kritikal yang baru dialami oleh asnaf.

Dalam hal ini masalah sumber manusia misalnya kekurangan pegawai sedangkan kawasan penempatan asnaf terlalu besar menyukarkan pihak mereka untuk sentiasa memantau kesan agihan zakat. Dicadangkan sistem mengemaskini maklumat diskopkan kepada golongan sasaran seperti yang dinyatakan di atas. Ini bermakna setiap daerah perlu menumpukan golongan sasaran yang mampu dibasmi ke arah meningkatkan pendapatan mereka sehingga melepasi PGK. Rangkaian kerjasama

dengan badan-badan NGO, JKPP, pihak media, pihak atau institusi yang membuat kajian kemiskinan dan aduan orang awam akan mengurangkan bebanan sesi lawatan tersebut. Bahkan Baitul Mal mampu mengumpul data atau maklumat terkini hasil kerjasama rangkaian ini seterusnya lebih memfokuskan apakah jenis bantuan utama dan sampingan yang diperlukan oleh asnaf.

6.5.7. Memartabatkan Institusi Zakat Di Peringkat Arus Perdana.

Institusi zakat merupakan salah satu institusi penting untuk mengagihkan zakat kepada lapan asnaf, terutama kepada asnaf fakir dan miskin. Memartabatkan institusi ini dalam erti kata menjadikan sistem ekonomi Islam sebagai tunjang atau teras dalam perbendaharaan negara melalui dasar fiskal di peringkat pemerintah. Pelaksanaan sistem Islam tidak membenarkan berlakunya pemisahan antara zakat dengan institusi yang lain, apatahlagi *maqāsid syarīah* yang bertunjangkan sumber wahyu telah mengingatkan bahawa keperluan manusia haruslah berpandukan syariat Islam sepenuhnya. Ini bukan bermakna zakat tidak dibenarkan mengalami proses pembaharuan dalam melaksanakan sistem kutipan dan agihan malahan pembaharuan atau *tajdīd* yang memberi kemaslahatan kepada manusia adalah sangat digalakkan selagi tidak bertentangan dengan syariat Islam.

Bagi menjayakan cadangan ini, usaha-usaha di peringkat pendidikan secara formal dan tidak formal boleh dilakukan agar pemahaman, penghayatan dan seterusnya institusi zakat boleh diaplikasi dalam arus perdana. Ianya boleh dimulakan di peringkat pengajian sekolah menengah, seterusnya peringkat Diploma sehingga Doktor Falsafah yang memfokuskan hal ehwal sistem ekonomi Islam, institusi perbendaharaan negara

(Baitul Mal) dan sumber-sumber harta negara khususnya untuk membasmi kemiskinan. Pemahaman konsep kekayaan dan kemiskinan, hubungan antara pembayar dan penerima zakat wajar dipertingkatkan agar kaedah mengatasi masalah kemiskinan mampu dilakukan dengan tepat. Dengan peningkatan pemahaman, maka ia akan meningkatkan pula sifat keimanan dan kepatuhan seseorang Muslim terhadap setiap perintah Allah SWT. Implikasi daripada peningkatan iman itu akan menjadikan dana zakat semakin bertambah lalu pelbagai skim atau program untuk membasmi kemiskinan dapat dijayakan.

6.6. Kesimpulan.

Dengan menggunakan 5 indeks kemiskinan maka bukti-bukti empirikal telah mengukur sejauhmana kesannya ke atas asnaf fakir dan miskin yang menerima agihan zakat dari MAINS. Hasil kajian mendapati bahawa agihan zakat MAINS memberi kesan positif menyumbang kepada pengurangan kadar kemiskinan, jurang kemiskinan, purata jurang kemiskinan dan nisbah jurang pendapatan. Selanjutnya agihan zakat turut memperbaiki ketidakseimbangan agihan pendapatan asnaf fakir dan miskin selepas menerima agihan zakat.

Meskipun pihak Baitul Mal sentiasa menambahbaik sistem agihan zakat kepada asnaf fakir miskin demi mencapai objektif membasmi kemiskinan namun adakalanya pelaksanaan program-program tersebut menghadapi kekangan yang sukar dielakkan dengan serta merta. Membasmi kemiskinan bukanlah satu tugas mudah, ianya memerlukan seluruh pendekatan dari semua aspek bermula dari pembentukan dasar sehinggalah ke peringkat pelaksanaannya. Dengan kata lain, kejayaan pengurusan

agihan zakat bergantung kepada peranan kerajaan, institusi-institusi membasmi kemiskinan dan individu-individu yang prihatin terhadap masalah kemiskinan. Meskipun merealisasikan matlamat membasmi kemiskinan tidak semudah seperti mana meletakkan sasarannya, tetapi usaha yang berterusan perlu diteruskan kerana membasmi kemiskinan menjadi tuntutan dalam agama Islam.